



Apakah Pas MyRailLife Dan Faedahnya?

01

Pas perjalanan percuma selama setahun kepada pelajar sekolah berumur 7 tahun hingga 19 tahun serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang, sektor Utara & Shuttle Timuran (DMU).

Pas ini diperkenalkan untuk meringankan beban kos pengangkutan pelajar sekolah dan golongan OKU yang menggunakan perkhidmatan KTM Komuter selain mengalakkan pelajar sekolah dan golongan OKU menggunakan pengangkutan awam.

Berapa Lamakah Pas MyRailLife Akan Berada Di Pasaran?

02

Bermula 15 Februari 2023 sehingga 14 Februari 2024.

Apakah Syarat Kelayakan Untuk Melanggan Pas MyRailLife ?

03

- Warganegara Malaysia.
- Pelajar sekolah berumur 7 tahun hingga 19 tahun.
- Golongan OKU.

Dimanakah Saya Boleh Mendapatkan Pas MyRailLife ?

04

Pengguna KTM Komuter sektor Lembah Klang

- Mendaftar di mana – mana kaunter tiket Stesen KTM Komuter.

Pengguna KTM Komuter sektor Utara

- Mendaftar di mana – mana kaunter tiket Stesen KTM Komuter.

Apakah Dokumen Yang Perlu Dibawa Semasa Pendaftaran Pas MyRailLife ?

05

Pengguna KTM Komuter sektor Lembah Klang (kaunter)

- Kad pengenalan (bagi pelajar)
- Kad konsesi Komuter Link sedia ada (bagi perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang sahaja)
- Kad pelajar/ Borang Pengesahan Pelajar (bagi pelajar Tingkatan 6 sahaja)

Pengguna KTM Komuter sektor Utara (kaunter/online)

- No. PNR (KITS)
- Kad pengenalan
- Kad daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (bagi OKU)
- Kad pelajar/ Borang Pengesahan Pelajar (bagi pelajar Tingkatan 6 sahaja)

my Rail Life

Adakah Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Berumur 7 Tahun Hingga 19 Tahun Dan Golongan OKU Dibenarkan Mendaftar Bagi Pihak Mereka?

06

Ya, dibenarkan dengan syarat membawa atau muat naik dokumen seperti dinyatakan dalam perkara (5) ketika membuat pendaftaran.

Bilakah Pendaftaran Pas MyRailLife Akan Dibuka?

07

Bermula 15 Februari 2023.

Bilakah Saya Boleh Mula Menggunakan Pas MyRailLife?

08

Bermula 15 Februari 2023.

Adakah Kad MyRail5 boleh digunakan untuk Pas MyRailLife ?

09

Tidak.

Berapakah Bayaran Yang Dikenakan Untuk Mendapatkan Pas MyRailLife ?

10

Pengguna Kad Konsesi Sedia Ada

- Tiada bayaran dikenakan. Hanya perlu membawa kad konsesi ke kaunter untuk kad diset ke Pas MyRailLife.

Pengguna Baharu & Pengguna Kad MyRail5

- Pengguna baharu perlu mendapatkan kad baharu secara percuma dan tidak perlu tambah nilai untuk mengaktifkan kad.
- Pengguna Kad MyRail5 juga perlu mendapatkan kad baharu secara percuma dan tidak perlu tambah nilai untuk mengaktifkan kad.

Adakah Saya Perlu Membuat Pembaharuan Pas MyRailLife ?

11

Tidak perlu, pas ini sah selama setahun dari 15 Februari 2023 hingga 14 Februari 2024.

faq

SOALAN LAZIM

PAS PERJALANAN PERCUMA TANPA HAD



KTM KOMUTER LEMBAH KLANG & KTM KOMUTER UTARA

Apakah Tempoh Sah Pas MyRailLife ?

12

Bermula 15 Februari 2023 sehingga 14 Februari 2024.

Bolehkah Pas MyRailLife Dipindah Milik?

13

Tidak.

Adakah Pas MyRailLife Yang Digunakan Di Sektor Lembah Klang Boleh Digunakan Di Sektor Utara?

14

Tidak. Kedua-dua sektor menggunakan mekanisme pas yang berlainan iaitu Kad Komlink (Lembah Klang) dan tiket 'QR Code' (Utara).

Bolehkah Saya Menggunakan Pas MyRailLife Di Rangkaian Rapidkl (Rel & Bas), MRT, ERL Dan Bas Rapid Transit Sunway Line?

15

Tidak. Pas MyRailLife hanya sah untuk perjalanan tanpa had di rangkaian KTM Komuter mengikut sektor di Lembah Klang atau sektor Utara sahaja.

Dimanakah Pengguna Boleh Membuat Pertanyaan Lanjut Berkaitan Inisiatif Ini?

16

- Akaun media sosial rasmi KTMB;
 - Facebook (KTM Berhad)
 - Twitter (@ktm_berhad)
 - Instagram (ktmbofficial) Atau
- Hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di talian **03-22671200** (7.00 pagi – 10.00 malam).



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



Bilakah Pelaksanaan Pas MyRailLife ?

01

15 Februari 2023.

Siapa Yang Layak Memohon Pas MyRailLife ?

02

- Pelajar sekolah tahun 1 hingga tahun 6 (umur 7 – 12 tahun).
- Pelajar sekolah tingkatan 1 hingga tingkatan 6 (umur 13 – 19 tahun).
- Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Adakah Penumpang Yang Layak Memohon Pas MyRailLife Perlu Mendaftar?

03

Ya.

Adakah Pelajar/OKU Boleh Mendaftar PNR Secara Online?

04

Pelajar/OKU boleh mendaftar PNR di sistem KITS dengan melayari laman sesawang KTM Berhad di www.ktmb.com.my.

Apakah Dokumen Yang Diperlukan Untuk Mendaftar PNR Pas MyRailLife?

05

Dokumen yang diperlukan untuk mendaftar PNR:

- Salinan asal MyKad/MyKid/Sijil lahir.
- Salinan asal Kad Pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Kad pelajar/ Borang Pengesahan Pelajar (bagi pelajar Tingkatan 6 sahaja).

Kenapa Pelajar Perlu Mendaftar Dan Mendapatkan Pas MyRailLife?

06

Pendaftaran dan pas adalah salah satu dokumen sokongan bagi proses tuntutan kepada kerajaan. Selain itu, merupakan dokumen perjalanan yang sah dan dilindungi oleh insuran kelompok KTMB.

Apakah Kaedah Mendapatkan Pas MyRailLife?

07

Penumpang yang layak dikehendaki mendaftar Passenger Name Record (PNR) dalam Sistem Tiket Bersepadu KTMB (KTMB Integrated Ticketing System - KITS) sama ada melalui *online*/ aplikasi KTMB Mobile atau kaunter.

Online: Website

Melalui website, pergi ke halaman utama > pilih menu *Rail Pass* > *Special Registration*. Tetamu perlu memasukkan

my Rail Life

maklumat dan memuat naik dokumen yang di perlukan mengikut kategori (Pelajar /OKU) dan hantar untuk proses pengesahan.

Online: Aplikasi KTMB Mobile

Pilih *Account* > *Special Registration* dan masukkan maklumat dan memuat naik dokumen yang di perlukan mengikut kategori (Pelajar / OKU) dan hantar untuk proses pengesahan.

Atau; Kaunter

Tetamu yang tidak mempunyai akaun PNR, boleh terus daftar PNR di kaunter dan tetamu dikehendaki membawa dokumen seperti perkara (5) atau Kad OKU bagi proses pendaftaran Pas MyRailLife.

Adakah Bayaran Dikenakan Bagi Pengeluaran Pas MyRailLife?

08

Tiada bayaran yang dikenakan.

Berapakah Harga Pas MyRailLife?

09

Percuma.

Perkhidmatan Manakah Yang Membenarkan Penggunaan Pas MyRailLife ?

10

- Shuttle Timuran (DMU),
- KTM Komuter Sektor Lembah Klang &
- KTM Komuter Sektor Utara

Apakah Syarat-syarat Penggunaan Pas MyRailLife ?

11

- Penumpang dibenarkan membuat perjalanan menggunakan perkhidmatan tren Shuttle Timuran (DMU) sahaja.
- Boleh digunakan antara stesen mula dan stesen destinasi yang dicatatkan pada Pas MyRailLife.
- Boleh digunakan oleh penumpang yang dicatatkan pada Pas MyRailLife (tidak boleh dipindahmilik).
- Boleh digunakan dalam tempoh sah laku yang dicatatkan pada Pas MyRailLife.
- Pas MyRailLife dan MyKad/MyKid mesti dikemukakan kepada kakitangan KTMB semasa pemeriksaan tiket.
- Perincian syarat boleh semak di laman sesawang KTMB.

Apakah Tindakan Yang Bakal Diambil Bagi Penumpang Yang Menyalahguna Dan Gagal Mematuhi Syarat-syarat Penggunaan Pas MyRailLife?

12

- Dikenakan surcaj (denda) RM30 beserta tambang; atau
- Diarahkan turun dari tren jika gagal menjelaskan bayaran.

faq

SOALAN LAZIM

PAS PERJALANAN PERCUMA TANPA HAD



KTM SHUTTLE TIMURAN (DMU)

Adakah KTM Berhad Akan Mengantikan Pas MyRailLife Yang Hilang Atau Rosak?

13

Ya. Penumpang boleh memohon cetak semula Pas MyRailLife (membuat pengeluaran melalui kaunter) dan tidak dikenakan bayaran.

Adakah KTM Berhad Akan Memberikan Pemulangan Bayaran Atau Apa-apa Bayaran Jika Penumpang Tidak Menggunakan Pas MyRailLife Yang Telah Dibeli?

14

Tidak walau dengan apa sebab sekalipun.

Adakah KTM Berhad Akan Memberikan Pemulangan Bayaran Atau Apa-apa Bayaran Pampasan Jika Penumpang Tidak Dapat Meneruskan Perjalanan Disebabkan Kegagalan Perkhidmatan Tren Atau Berlaku Kelewatan Tren?

15

Tidak walau dengan apa sebab sekalipun.

Adakah KTM Berhad berhak Meminda Atau Memansuhkan Atau Menambah Mana-mana Terma Dan Syarat Pas MyRailLife Tanpa Sebarang Notis Pemakluman Awal?

16

Ya.

Dimanakah Saya Boleh Mendapatkan Maklumat Lanjut Mengenai Pas MyRailLife?

17

Sila layari www.ktmb.com.my atau hubungi Pusat Panggilan KTMB di talian **03-2267 1200** (7.00 pagi – 10.00 malam).